



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan) 1987
DR.5/1987

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelabuhan
Bintulu 1981.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu (Pindaan) 1987 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

2. Seksyen 5 Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (2), subseksyen baru (2A) yang berikut:

Pindaan
seksyen 5.
Akta 243.

“(2A) Lembaga boleh, dengan kelulusan daripada Menteri memberi lesen di atas syarat-syarat yang difikirkan sesuai kepada mana-mana syarikat, firma, orang atau kumpulan orang untuk menjalankan mana-mana aktiviti Pelabuhan yang didapati perlu oleh Lembaga.”.

Seksyen baru
5A.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 5, seksyen baru 5A yang berikut:

“Kuasa
Lembaga
untuk
membuat
apa-apa
perkiraan
mengenai hal
berkongsi
untung dll.

5A. Lembaga dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan, boleh—

(a) membuat apa-apa perkiraan mengenai hal berkongsi untung, gabungan kepentingan-kepentingan, kerjasama atau usahasama dengan mana-mana orang atau kumpulan orang; atau

(b) menubuhkan atau memajukan penubuhan dan pengembangan syarikat-syarikat di bawah Akta Syarikat 1965.”.

Akta 125.

Seksyen baru
9A.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 9, seksyen baru 9A yang berikut:

“Pelupusan
tanah.

9A. Bagi mengelakkan keraguan, jika apa-apa kepentingan mengenai tanah terletak kepada Persekutuan bagi maksud-maksud Pelabuhan, adalah sah bagi Persekutuan, menurut Perkara 86 Perlembagaan, melupuskan kepentingan mengenai tanah itu kepada mana-mana orang atau kumpulan orang bagi penggunaan oleh orang atau kumpulan orang bagi apa-apa maksud Persekutuan.”.

Seksyen baru
27A.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 27, seksyen baru 27A yang berikut:

“Mengemu-
kakan me-
morandum
bagi apa-
apa
perubahan
kepada
struktur caj
yang sedia
ada.

27A. (1) Mana-mana orang atau kumpulan orang yang dilesenkan di bawah Akta ini hendaklah menyediakan dan mengemukakan memorandum kepada Lembaga bagi apa-apa perubahan kepada struktur caj yang sedia ada yang dinyatakan di bawah undang-undang kecil yang dibuat di bawah seksyen 67 untuk kelulusan Menteri.

(2) Jika tiada jawapan diterima daripada Lembaga mengenai memorandum yang dikemukakan di bawah subseksyen (1) dalam masa enam bulan dari pengemukaannya, perubahan kepada struktur caj yang sedia ada yang terdapat di dalam memorandum hendaklah berkuatkuasa apabila tamat tempoh tersebut.

(3) Orang atau kumpulan orang yang dilesenkan di bawah Akta ini hendaklah seberapa segera yang praktik menyiarkan perubahan kepada struktur caj yang sedia ada di dalam akhbar tempatan, sekurang-kurangnya satu dalam bahasa Melayu dan satu dalam bahasa Inggeris atau bahasa Cina.

(4) Lembaga hendaklah seberapa segera yang praktik membuat pindaan-pindaan ke atas undang-undang kecil mengenai perubahan ke atas struktur caj yang sedia ada.”.

6. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja BAHAGIAN IX, BAHAGIAN baru IXA yang berikut:

BAHAGIAN
baru IXA.

BAHAGIAN IXA

KUASA-KUASA KHAS

Kuasa-kuasa
khas semasa
darurat.

91A. (1) Dalam hal berlakunya apa-apa darurat awam atau bagi kepentingan menjaga keselamatan awam, Perdana Menteri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan khasnya oleh Perdana Menteri untuk tujuan tersebut boleh—

- (a) mengambil milikan sementara ke atas mana-mana perkhidmatan atau kemudahan pelabuhan yang ditubuhkan, disenggarakan atau dikerjakan oleh mana-mana orang yang dilesenkan di bawah Akta ini; atau

(b) menarik balik sebahagian atau keseluruhan penggunaan mana-mana perkhidmatan atau kemudahan pelabuhan daripada mana-mana orang atau kumpulan orang atau daripada orang ramai.

(2) Jika apa-apa keraguan timbul ke atas kewujudan darurat awam atau sama ada apa-apa perbuatan yang dibuat di bawah subseksyen (1) adalah bagi kepentingan keselamatan awam, sijil yang ditandatangani oleh Perdana Menteri dan dipamerkan di tempat tertentu yang pada pendapat Menteri adalah sesuai hendaklah menjadi bukti muktamad ke atas perkara tersebut.

(3) Jika Kerajaan mengambil milikan ke atas mana-mana perkhidmatan atau kemudahan pelabuhan di bawah subseksyen (1) (a) pampasan yang mencukupi hendaklah dibayar.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981.

1. *Fasal 1* membolehkan Menteri menetapkan tarikh mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini.
2. *Fasal 2* bertujuan memasukkan perenggan baru subseksyen (2A) kepada seksyen 5 bagi memberi kuasa kepada Lembaga untuk melesenkan aktiviti-aktiviti pelabuhan yang didapati perlu oleh Lembaga berhubung dengan penjalanan fungsi-fungsi.
3. *Fasal 3* bertujuan memasukkan seksyen baru 5A untuk memberi kuasa kepada Lembaga, dengan kelulusan Menteri dan persetujuan Menteri Kewangan bagi membuat apa-apa perkiraan bagi berkongsi keuntungan dan lain-lain, dengan mana-mana orang atau kumpulan orang atau menubuhkan atau memajukan penubuhan dan pengembangan mana-mana syarikat.
4. *Fasal 4* bertujuan memasukkan seksyen baru 9A yang memperuntukkan bahawa adalah sah bagi Persekutuan untuk melupuskan apa-apa kepentingan mengenai tanah yang terletak padanya bagi maksud-maksud Persekutuan.

5. *Fasal 5* bertujuan memasukkan seksyen baru 27A yang menghendaki mana-mana orang yang diberi lesen di bawah Akta ini mengemukakan memorandum kepada Lembaga bagi apa-apa perubahan skel caj yang sedia ada.

6. *Fasal 6* bertujuan memasukkan Bahagian baru IXA untuk memberi kuasa-kuasa khas kepada Perdana Menteri atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa dengan khasnya oleh Perdana Menteri dalam hal berlakunya darurat awam atau bagi kepentingan menjaga keselamatan orang awam.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1351.]

